UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

MAKLUMAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN JUN 2018

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	006-2018/001	11.06.2018	Sinar Harian	Info MBIP	'Sediakan kertas cadangan'
2.	006-2018/002	11.06.2018	Utusan Malaysia	Info PBT	PBT disaran tubuh unit audit keselamatan
3.	006-2018/003	12.06.2018	Sinar Harian	Info PBT	Penguatkuasa PBT perlu lebih sabar,tidak emosi
4.	006-2018/004	20.06.2018	Utusan Malaysia	Info PBT	Segera rombak semua PBT
5.	006-2018/005	27.06.2018	Utusan Malaysia	Info MBIP	Bandar Medini jadi hab inovasi
6.	006-2018/006	27.06.2018	Sinar Harian	Info MBIP	Bandar Medini di landasan betul : MB
7.	006-2018/007	27.06.2018	Harian Metro	Info MBIP	Mercu baru Bandar Medini: MB yakin projek mampu berdaya saing

RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN JUN 2018:

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MBIP	4
INFO PBT	3
JUMLAH	**7**

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	006-2018/001
Tarikh	:	11.06.2018 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info MBIP
Tajuk Artikel	:	'Sediakan kertas cadangan'

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796, M. JEFFRI RAZALI - 010-5625516, SARINAH MAT KASIM - 019-6202383

'Sediakan kertas cadangan'

Kerajaan negeri akan adakan mesyuarat khas bincang isu sampah haram

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Kerajaan Johor akan mengadakan satu mesyuarat khas bersama pihak berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian berhubung masalah pembuangan sampah haram.

Exco Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Johor, Tan Hong Pin berkata, ini keranabeliaulebihcenderung melaksanakan konsep rundingan dan perjumpaan dengan pihak berkepentingan sebelum tindakan atau dasar baharu dilaksanakan.

"Saya akan mengadakan satu mesyuarat khas dan perjumpaan dengan pihak berkepentingan bagi membincangkan penyelesaian berkaitan isu pembuangan sampah haram selepas Aidilfitri nanti.

"Tujuannya bagi memastikan semua pihak berkaitan lebih faham mengapa dan apa objektif kerajaan mahu melaksanakan satu-satu perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mengadakan lawatan ke lokasi hotspot pembuangan sampah di kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), di sini, semalam.

Antara lokasi itu yang terlibat Taman Desa Skudai di Jalan Sejahtera 6 dan dan Harmoni 11, serta Jalan Pulai 1/10 Taman Pulai Jaya.

Hong Pin (lima, kanan) memasang papan tanda melarang membuang sampah di lokasi pembuangan sampah haram di Taman Pulai Jaya.

Hadir sama Pengarah SW Corp, Asri Amat.

Hong Pin yang juga Adun Senai berkata, pada mesyuarat itu, semua kontraktor diminta menyediakan kertas cadangan berkaitan isu pembuangan sampah terutama sampah sisa pembinaan.

"Sebenarnya bagi sisa pembinaan, ada tempat untuk pembuangan, cuma ada rintihan (kontraktor) ia mahal, selain kedudukannya jauh.

"Isu itu kita akan kaji semula dan semua kontraktor akan diberi peluang menyediakan kertas cadangan sebelum ia dipertimbangkan semula oleh kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata, pada ketika ini, terdapat 326 lokasi sampah haram di 11 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan 312 lokasi dibersihkan dan 48 lokasi berulang.

"Bagi kawasan Iskandar Puteri, sebanyak 59 lokasi hotspot yang dikenal pasti, manakala masih berbaki 16 lokasi yang masih aktif sehingga kini," katanya.

info

Ketika ini terdapat 326 lokasi sampah haram di 11 kawasan PBT dengan 312 lokasi dibersihkan dan 48 lokasi berulang

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**006-2018/002**
Tarikh	:	**11.06.2018 (Isnin)**
Jenis Akhbar	:	**Utusan Malaysia**
Jenis Artikel	:	**Info PBT**
Tajuk Artikel	:	**PBT disaran tubuh unit audit keselamatan**

PBT disaran tubuh unit audit keselamatan

KUALA LUMPUR 10 Jun - Pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa menubuhkan unit audit keselamatan untuk memantau kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur melibatkan jalan raya dan kawasan awam untuk mengelak daripada berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye (**gambar**) berkata, seringkali kontraktor atau subkontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja membaiki kemudahan awam tidak mempedulikan aspek keselamatan orang ramai.

"Jalan yang dipasang penghadang untuk kerja-kerja pembinaan tidak diterangi lampu yang mencukupi pada waktu malam manakala papan tanda keselamatan juga agak kurang untuk memberi amaran kepada pengguna jalan raya.

"Lubang di permukaan jalan sering dilihat di luar kawasan yang dipasang penghadang dan ia menimbulkan bahaya kepada keselamatan pemandu dan penunggang motosikal yang melalui jalan tersebut setiap hari," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Pada Disember lalu, seorang penunggang motosikal terbunuh selepas motosikal yang ditunggangnya terjunam ke dalam lubang sedalam satu meter di sebuah kawasan projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan.

Menurut Lam Thye lagi, keadaan menjadi lebih bahaya kerana lubang di jalan terlibat tidak dapat dilihat apabila ia dipenuhi air dan keadaan sedemikian boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Kata beliau, usaha berkenaan turut menuntut komitmen daripada semua pihak kerana sementara kontraktor perlu meningkatkan mutu kerja dan aspek keselamatan, PBT pula perlu peka terhadap masalah jalan berlubang dan mengambil tindakan segera untuk memperbaikinya tanpa menunggu aduan awam.

"Oleh itu, jika boleh setiap PBT perlu menubuhkan unit audit keselamatan khas untuk memantau dan memastikan kontraktor dan subkontraktor terbabit mematuhi garis panduan keselamatan yang ditetapkan," katanya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	006-2018/003
Tarikh	:	12.06.2018 (Selasa)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Penguatkuasa PBT perlu lebih sabar,tidak emosi

Penguatkuasa PBT perlu lebih sabar, tidak emosi

KUALA LUMPUR - Pegawai penguatkuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dinasihatkan supaya lebih bersabar dan tidak terlalu emosi ketika menjalankan pemantauan serta operasi, terutama melibatkan pemeriksaan lesen dan permit perniagaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, mereka seharusnya perlu lebih bertanggungjawab dan berhemah bagi mengelak berlakunya konflik yang boleh menyebabkan pergaduhan serta salah faham.

Ia susulan satu klip video menunjukkan pergaduhan antara penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan peniaga di Jalan Taiping, Klang, mula tular di media sosial.

"Saya sudah hubungi Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin dan beliau memaklumkan kepada saya bahawa insiden tersebut bermula pada hari sebelum kejadian, terdapat salah faham antara penguatkuasa dan peniaga.

"Jadi saya nak nasihatkan pegawai kerajaan dan penguatkuasa, tidak kira daripada kementerian saya pun, mereka perlu ada kesabaran dan tidak menunjukkan emosi sampai memukul orang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Pelancaran Kebakaran dan Keselamatan JPBM sempena Hari Raya Aidilfitri, di sini, semalam.

Dalam video berdurasi 46 saat itu, berlaku insiden tegang membabitkan penguatkuasa MPK dan peniaga sehingga menyebabkan kejadian tumbuk-menumbuk antara mereka. - *Bernama*

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	006-2018/004
Tarikh	:	20.06.2018 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Segera rombak semua PBT

Segera rombak semua PBT

SAUDARA PENGARANG,

MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan diminta mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat rombakan serta penyusunan semula dengan kadar segera struktur dalaman pentadbiran semua pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak kira jabatan, bahagian dan unit-unit dalaman.

Tujuannya tidak lain supaya tiada pegawai yang menyalah guna kuasa dan rasuah di samping mengekang persepsi serong orang ramai terhadap anggota dan operasi PBT. Penyusunan semula juga dapat memastikan PBT beroperasi mengikut dasar yang telah ditetapkan.

Rombakan juga diharap dapat menyelesaikan serta memperbetulkan segala kepincangan yang berlaku dalam pentadbiran dan pengurusan PBT selama ini terutama sekali dalam perjawatan.

Sememangnya banyak tindakan dan keputusan PBT tidak telus dan adil khususnya bila melibatkan sanak-saudara untuk memonopoli perjawatan dalaman mahupun kontrak tertentu di samping bermacam isu lain.

Sikap sesetengah pegawai yang berlagak dengan kuasa dalam tangan menyebabkan pentadbiran dan pengurusan PBT terus dipandang sinis orang awam.

TEROPONG ANGKASA

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	006-2018/005
Tarikh	:	27.06.2018 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info MBIP
Tajuk Artikel	:	Bandar Medini jadi hab inovasi

Bandar Medini jadi hab inovasi

ISKANDAR PUTERI 26 Jun - Bandar Medini di sini yang terletak dalam kawasan Iskandar Malaysia diyakini mampu terus bersaing dan menjadi sebuah hab inovasi yang unggul di negara ini.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian berkata, ini berikutan sebahagian daripada kawasan utama Bandar Medini telah diberi status pusat siber Koridor Raya Multimedia (MSC Malaysia Cybercentre).

Beliau berkata, status itu juga membolehkan syarikat-syarikat berkaitan teknologi maklumat berpeluang untuk berkembang maju di bandar berkenaan.

"Dengan adanya status MSC di Bandar Medini, ia mampu bersaing lebih jauh lagi dan seiring dengan visinya untuk menjadi sebuah bandar pintar, Medini berkemampuan untuk menjadi sebuah hab inovasi yang unggul," katanya dalam majlis pembukaan Bangunan Medini 9 di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Medini Iskandar Malaysia Sdn. Bhd., Dr. James Tee.

Osman berkata, pembukaan ruang pejabat di Medini 9 itu dibakal dihuni syarikat-syarikat tempatan dan asing bertaraf global di mana Medini telah pun berjaya menarik minat beberapa syarikat dari Jepun.

"Semoga dengan pembukaan Medini 9 membolehkan pihak Medini terus menyumbang dan menyokong pertumbuhan ekonomi negeri ini di mana pelbagai peluang pekerjaan terutama sekali berkemahiran tinggi dapat disediakan khususnya untuk rakyat negeri ini," katanya.

Mengulas mengenai Medini 9, Tee berkata, ia menempatkan dua blok bangunan pejabat baharu setinggi 21 tingkat dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM300 juta.

Setakat ini banguan itu telah disewakan kepada syarikat tempatan dan asing termasuk Ernst & Young; Iskandar Investment Berhad (IIB); OK Blockhain Centre; Deluxe Game; Okikichi; Edotco; DayThree; Brandt International; Aegis; Eximus; Geodis; DHL; CO3; Fujikura dan SGShop.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**006-2018/006**
Tarikh	:	**27.06.2018 (Rabu)**
Jenis Akhbar	:	**Sinar Harian**
Jenis Artikel	:	**Info MBIP**
Tajuk Artikel	:	**Bandar Medini di landasan betul : MB**

Osman Sapian (tiga, kiri) dan James Tee (dua, kiri) memotong reben sebagai simbolik perasmian Pembukaan Bangunan Medini 9 di Iskandar Puteri, semalam.

Bandar Medini di landasan betul: MB

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan Johor melihat Bandar Medini mempunyai peluang cerah untuk dikembangkan selain berpotensi memainkan peranan terbaik dalam pertumbuhan ekonomi di Iskandar Malaysia.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian berkata, pembangunan bandar dengan konsep moden dan sistematik itu perlu diberi keutamaan serta kekal dengan visi sedia ada.

Menurutnya, projek dikendalikan Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd (MIM) itu juga merupakan satu daripada lokasi utama yang mula dikenali di Johor serta mendapat penerimaan baik daripada kalangan pelabur dan masyarakat tempatan.

"Saya tertarik dengan visi Medini kerana mereka mempunyai perancangan mewujudkan sebuah lokasi dengan elemen bandar pintar, hijau dan mampan.

"Perancangan Medini yang teliti dan pelaksanaan infrastruktur yang sistematik adalah kunci utama dalam pembangunan sebuah bandar maju.

"Sehingga kini Bandar Medini rancak membangun dari segi pembinaan rumah, bangunan komersil dan ruang pejabat dengan adanya ekosistem sedia ada di Iskandar Puteri yang dianggap sebagai pelengkap," katanya ketika berucap pada majlis pembukaan bangunan Medini 9 dan sambutan Aidilfitri di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Azmi Rohani; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Adib Azhari Daud dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif MIM, Dr James Tee.

Osman berkata, pembangunan di bandar tersebut turut berjaya bawa aktiviti ekonomi yang konsisten selain peningkatan kadar urbanisasi.

"Kita dapat saksikan peluang pekerjaan akan bertambah, sekali gus meningkatkan pembangunan fizikal di kawasan bandar.

"Malah masyarakat setempat juga peroleh taraf hidup yang tinggi dan jamin kehidupan," katanya.

Jelasnya, perkembangan terkini bandar tersebut yang mendapat status 'Malaysia Cybercentre' (MSC) juga merupakan satu perkara yang baik.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	006-2018/007
Tarikh	:	27.06.2018 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info MBIP
Tajuk Artikel	:	Mercu baru Bandar Medini: MB yakin projek mampu berdaya saing

FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN

OSMAN (tengah) bersama Dr James (dua dari kiri) menandatangani plak perasmian bangunan Medini 9, pada majlis perasmian Bangunan Pejabat Medini 9 dan Rumah Terbuka Aidilfitri Medini di Iskandar Puteri.

Mohd Fahmi Mohd Yusof
news@nstp.com

Iskandar Puteri

Mercu baru Bandar Medini

MB yakin projek mampu berdaya saing

Kerajaan negeri berharap perancangan Bandar Medini di sini, yang dilakukan secara teratur dan teliti dapat memainkan peranannya sebagai pemacu sektor ekonomi dan industri di Johor.

Menteri Besar Datuk Seri Osman Saplan berkata, Bandar Medini yang dibangunkan Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd (MIM) adalah satu daripada lokasi utama di Johor yang memainkan peranan penting itu.

Katanya, beliau tertarik dengan visi Medini kerana dirancang sebagai sebuah bandar pintar, hijau dan mampan.

"Diposisikan sebagai pusat perdagangan utama Iskandar Puteri, perancangan Medini yang teliti dan pelaksanaan infrastruktur serta projek yang sistematik adalah kunci utama dalam pembangunan sebuah bandar maju dan mampu bersaing dengan bandar lain.

"Sehingga kini Bandar Medini rancak membangun dari segi pembinaan rumah, bangunan komersial dan ruang pejabat dengan adanya ekosistem sedia ada di Iskandar Puteri sebagai pelengkap," katanya ketika berucap pada majlis pembukaan bangunan Medini 9 dan sambutan Aidilfitri di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Azmi Rohani, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) Adib Azhari Daud dan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif MIM Dr James Tee.

Osman berkata, beliau difahamkan sebahagian kawasan utama Bandar Medini daripada keseluruhan 902.4 hektar diberi status Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Oleh itu, syarikat berkaitan teknologi maklumat berpeluang untuk berkembang maju di Bandar Medini," katanya.

FAKTA
Bandar Medini berkeluasan 902.4 hektar